



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
25 Mei 2022**

Migrasi Sistem Baharu ASNB untuk Meningkatkan Pengalaman Pelabur

Langkah ini membolehkan ASNB memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang lebih terkini

KUALA LUMPUR, 25 Mei 2022 – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), akan memindahkan sistem operasinya ke sistem baharu, selaras dengan objektifnya untuk meningkatkan pengalaman pelaburan kepada para pelaburnya. Bagi memudahkan pelaksanaan migrasi ini, semua urusan niaga unit amanah dan perkhidmatan lainnya akan **ditangguhkan sementara bermula pada 4 hingga 7 Jun 2022**.

Tarikh urusan niaga terakhir bagi semua unit amanah adalah pada 3 Jun 2022 kecuali bagi ASN Equity 5, ASN Equity Global, ASN Imbang 3 Global dan ASN Sara 2 yang berakhir lebih awal iaitu pada 2 Jun 2022. Penangguhan urusan niaga ini melibatkan semua unit amanah ASNB di semua saluran ASNB iaitu kaunter cawangan ASNB dan ejen-ejen seluruh negara serta saluran elektronik dan dalam talian termasuk portal dan aplikasi myASNB, perbankan internet ejen-ejen iaitu Maybank2u, CIMB Clicks, RHBNow, Affinonline, AmOnline dan HLB Connect, mesin kiosk di cawangan ASNB serta Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine) di Maybank dan CIMB Bank. Urusan niaga di semua saluran iaitu kaunter dan platform dalam talian akan dibuka semula pada 8 Jun 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Encik Mohammad bin Hussin berkata, “Langkah strategik untuk migrasi ke sistem baharu perlu dilaksanakan bagi menyediakan sokongan teknologi yang lebih mudah dan moden agar ASNB dapat memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang lebih terkini. Inisiatif ini diharapkan dapat meningkatkan pengalaman pelaburan kepada pelabur-pelabur kami di semua saluran pada masa hadapan”.

Beliau turut berkata “Pelabur ASNB perlu merancang keperluan tunai lebih awal dan membuat transaksi pelaburan atau pengeluaran sebelum tarikh penangguhan untuk mengelakkan sebarang kesulitan ketika penangguhan ini berlangsung. Bagi mereka yang ingin membuat

pengeluaran dalam talian, buatlah urus niaga seawal yang mungkin agar wang tersebut dapat dikreditkan sebelum tarikh penangguhan.”.

Pengeluaran secara dalam talian hanya boleh dilakukan menerusi portal www.myasnb.com.my dan aplikasi myASNBN dengan had maksimum sebanyak RM2,000 atau pengeluaran tiga (3) kali dalam sebulan. Urus niaga pengeluaran dalam talian yang berjaya dilaksanakan akan dikreditkan ke dalam akaun bank pelabur yang didaftarkan dengan ASNBN pada hari bekerja berikutnya.

- TAMAT -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNBN kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 282 bilion dan lebih 14.9 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNBN di talian 03-7730 8899.

Unit Amanah Harga Tetap

Unit amanah ini ditawarkan dengan harga jualan dan belian pada harga tetap RM1.00 seunit. Terdapat dua siri unit amanah harga tetap iaitu siri ASB dan ASM. Siri ASB terdiri daripada Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) manakala siri ASM ialah Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan) dan Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3).

Unit Amanah Harga Berubah - Harga Silam

Unit amanah ini mempunyai harga seunit berubah setiap hari bergantung kepada Nilai Aset Bersih (NAB) portfolio setiap tabung unit amanah tersebut. Harga jualan dan belian adalah pada NAB seunit yang ditentukan berdasarkan harga silam dan dikira pada akhir hari usniaga sebelumnya. Unit amanah harga berubah kategori harga silam terdiri daripada Amanah Saham Nasional (ASN), ASN Equity 2, ASN Equity 3, ASN Imbang 1, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1.

Unit Amanah Harga Berubah - Harga Hadapan

Unit amanah ini mempunyai harga seunit berubah setiap hari bergantung kepada Nilai Aset Bersih (NAB) portfolio setiap tabung unit amanah tersebut. Harga jualan dan belian adalah pada NAB seunit yang ditentukan berdasarkan harga masa hadapan. Unit amanah harga berubah kategori harga hadapan terdiri daripada ASN Equity 5, ASN Equity Global, ASN Imbang 3 Global dan ASN Sara 2.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad